

**MESYUARAT PERTAMA PENGGAL KETIGA
DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG
YANG KEEMPAT BELAS
17 APRIL 2020**

PERKARA : 5(B)(XII)29

**SOALAN BERTULIS OLEH AHLI KAWASAN SUNGAI DUA
YB. DATO' MUHAMAD YUSOFF BIN MOHD NOOR**

29. Terdapat kawasan-kawasan sawah ditambun yang diambil tindakan oleh PBT dan Pejabat Daerah dan Tanah. Senaraikan tanah-tanah sawah terlibat dan tindakan yang dikenakan.
- (a) Mengapakah tindakan dan hukuman mahkamah mengambil masa lama?
 - (b) Apakah tindakan yang boleh diambil oleh Pejabat Daerah dan Tanah atau Jabatan Pertanian ke atas tuan tanah yang ditambun dan dibiarkan semak?

**YB. DR. NORLELA BINTI ARIFFIN
MENJAWAB BAGI PIHAK Y.A.B. KETUA MENTERI**

29. Sebanyak 39 tanah sawah yang terlibat dengan aktiviti menambun tanah tanpa kebenaran dan tindakan yang diambil oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) dan Majlis Bandaraya Seberang Perai (MBSP) seperti perincian di **LAMPIRAN A**.

Manakala di bawah Pejabat Daerah dan Tanah (PDT), tiada kes yang diambil tindakan penguatkuasaan berkaitan penambakan kawasan sawah. Berdasarkan Kanun Tanah Negara 1965, PDT tidak mempunyai punca kuasa untuk mengambil tindakan ke atas aktiviti menambak tanah-tanah sawah kategori “pertanian” di bawah Sek. 127 KTN 1965 (Melanggar syarat tetap dan jenis-jenis penggunaan tanah) selagi mana di atas tanah diusahakan bagi tujuan pertanian.

- (a) Tindakan dan hukuman mahkamah berkaitan kes kerja tanah menambun sawah tanpa kebenaran mengambil masa yang lama disebabkan perkara-perkara seperti berikut:
- (i) Maklumat carian hak milik tanah yang tidak lengkap. Sebagai contoh, sekiranya maklumat mengenai alamat tidak lengkap, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) perlu mendapatkan maklumat di Jabatan Pendaftaran Negara dengan kos RM50.00 untuk setiap nama;
 - (ii) Kes tertangguh untuk pendakwaan kerana tiada butiran kad pengenalan dan alamat di salinan carian hak milik. Notis berdaftar tidak dapat dikeluarkan kepada pemilik;
 - (iii) Saman tidak dapat diserahkan kepada pemilik tanah. Sebagai contoh, pemilik telah berpindah atau sebab-sebab lain;
 - (iv) PBT perlu mendapatkan izin mendakwa daripada Timbalan Pendakwa Raya sebelum sesuatu kes didaftarkan di mahkamah seperti yang diperuntukkan di bawah seksyen 123 Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133);
 - (v) Apabila kes didaftarkan di mahkamah, PBT perlu menunggu tarikh sebutan kes yang ditetapkan oleh mahkamah. Setelah PBT memperolehi tarikh sebutan kes, maka PBT akan menyerahkan saman tersebut kepada OKS sebelum tarikh sebutan kes yang ditetapkan; dan
 - (vi) Terdapat prosedur-prosedur di mahkamah yang perlu dipatuhi oleh pihak pendakwaan dan pihak pembelaan. Sekiranya pesalah atau Orang Kena Saman (OKS) mengaku bersalah atas pertuduhan yang dikenakan terhadapnya, maka mahkamah akan menjatuhkan hukuman berdasarkan bukti-bukti dan rayuan yang dikemukakan oleh pihak pendakwaan dan pihak pembelaan kepada mahkamah. Namun, sekiranya

OKS tidak mengaku bersalah atas pertuduhan yang dikenakan terhadapnya, OKS diberikan satu tarikh sebutan yang baru untuk melantik peguam bagi mewakilinya. Tarikh sebutan kes/tarikh perbicaraan/tarikh hukuman yang ditetapkan adalah bergantung kepada pihak mahkamah. PBT tidak mempunyai kuasa untuk mencampuri bidang kuasa mahkamah setelah kes didaftarkan di mahkamah.

- (b) Tindakan penguatkuasaan oleh PDT hanya boleh diambil jika melanggar mana-mana peruntukan dibawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti pelanggaran syarat tanah. Kegiatan tambun tanah sawah/bendang adalah tertakluk kepada kebenaran kerja tanah di bawah bidang kuasa Pihak Berkuasa Tempatan di bawah seksyen 70A Akta Parit, Jalan dan Bangunan 1974, Akta 133. Sehubungan dengan itu, tiada sebarang tindakan yang boleh diambil oleh PDT sekiranya tanah tersebut adalah berstatus *First Grade*.

Bagi lot-lot yang terlibat dengan warta tali air, tuan tanah perlu terlebih dahulu mendapatkan kelulusan mengeluarkan lot dari warta tali air di bawah Akta Kawasan Pengairan 1953 (Akta 386) yang mana permohonan perlu dikemukakan melalui Pejabat Tanah.

Pemilik tanah juga perlu mendapatkan kelulusan kebenaran merancang dari Pihak Berkuasa Tempatan di bawah seksyen 18 Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) dan permohonan perlingkungan semula jika perlu.

Tanah yang terbiar semak adalah tidak melanggar mana-mana peruntukan di bawah Kanun Tanah Negara 1965 dan di luar bidang kuasa PDT.

Jabatan Pertanian tidak mempunyai sebarang kuasa untuk menghalang kegiatan penambunan tanah mahupun tanah yang dibiarkan semak. Namun demikian, sekiranya terdapat permohonan perlingkungan semula atau permohonan ubah syarat tanah daripada kawasan pertanian (Jelapang Padi)

kepada kawasan pembangunan lain, Jabatan Pertanian tidak menyokong permohonan tersebut.

**SENARAI TANAH-TANAH SAWAH YANG TERLIBAT DENGAN AKTIVITI
MENAMBUN TANAH TANPA KEBENARAN DAN TINDAKAN YANG DIAMBIL OLEH
MAJLIS BANDARAYA PULAU PINANG (MBPP) DAN MAJLIS BANDARAYA
SEBERANG PERAI (MBSP)**

A. MBPP

BIL.	LOKASI	TINDAKAN
1	Lot 570, MK. H, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) Akta Jalan Parit & Bangunan (AJPB) 1974 telah dikeluarkan . 2. Pendakwaan telah dijalankan pada 22/6/2011 dan pemilik telah didenda sebanyak RM7000.00.
2	Lot 464, MK. H, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Melaksanakan pemantauan dan kes berada dalam perhatian MBPP.
3	Lot 411, MK. H, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Melaksanakan pemantauan dan kes berada dalam perhatian MBPP.
4	Lot 393, MK. H, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam tindakan pendakwaan.
5	Lot 394, MK. H, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam tindakan pendakwaan.

B. MBSP

BIL.	LOKASI	TINDAKAN
1	Lot 4100, MK. 3, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.	<ol style="list-style-type: none">1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan.2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan.3. Dalam proses tindakan mahkamah.
2	Lot 2333 MK. 4, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.	<ol style="list-style-type: none">1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan.2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan.3. Dalam proses tindakan mahkamah.
3	Lot 2710, MK. 6, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.	<ol style="list-style-type: none">1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan.2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan.3. Telah dikenakan denda dari mahkamah sebanyak RM10,000.00 pada 3 Jun 2016.
4	Lot 704 (Lot Baru 2547) MK. 10, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.	<ol style="list-style-type: none">1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan.2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan.3. Dalam proses tindakan mahkamah.
5	Lot 841, MK. 6, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.	<ol style="list-style-type: none">1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan.2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan.3. Telah dikenakan denda dari mahkamah sebanyak RM3,000.00 pada 16 Mac 2015.

BIL.	LOKASI	TINDAKAN
6	Lot 2330 (Lot Baru 4803) MK. 8, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam proses tindakan mahkamah.
7	Lot 6282 (Lot Lama 1844), MK. 11, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam proses penyediaan dokumen pendakwaan.
8	Lot 3501 MK. 12, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam proses tindakan mahkamah.
9	Lot 1818, MK. 1, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam proses penyediaan dokumen pendakwaan.
10	Lot 4660, MK. 7, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Telah dikenakan denda dari mahkamah sebanyak RM19,800.00 pada 22 April 2019.

BIL.	LOKASI	TINDAKAN
11	Lot 4300, MK. 5, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam proses penyediaan dokumen pendakwaan.
12	Lot 2964, MK. 4, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Telah dikenakan denda dari mahkamah sebanyak RM3,000.00 pada 14 Januari 2019.
13	Lot 5976, MK. 7, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam proses tindakan mahkamah.
14	Lot 3110, MK. 2, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam proses tindakan mahkamah. Notis tidak dapat disampaikan kepada pemunya tanah kerana telah berpindah.
15	Lot 1862, MK. 2, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam proses tindakan mahkamah.

BIL.	LOKASI	TINDAKAN
16	Lot 2716 MK. 12, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam proses tindakan mahkamah.
17	Lot 1534, MK. 1, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam proses tindakan mahkamah.
18	Lot 2196, MK. 12, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam proses penyediaan dokumen pendakwaan.
19	Lot 1423, MK. 13, Daerah Seberang Perai Utara, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam proses penyediaan dokumen pendakwaan.
20	Lot 1723, MK. 4, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam proses tindakan mahkamah.
21	Lot 1724, MK. 4, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam proses tindakan mahkamah.

BIL.	LOKASI	TINDAKAN
22	Lot 1762, MK. 4, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam proses tindakan mahkamah.
23	Lot 979, MK. 5, Seberang Perai Tengah.	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam proses tindakan mahkamah.
24	Lot 1240, Mukim 5, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam proses penyediaan dokumen pendakwaan.
25	Lot 1089, MK. 5, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam proses penyediaan dokumen pendakwaan.
26	Lot 2163, MK. 4, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Telah dikenakan denda dari mahkamah sebanyak RM8,000.00 pada 15 Ogos 2019.

BIL.	LOKASI	TINDAKAN
27	Lot 479, MK. 2, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam proses tindakan mahkamah.
28	Lot 1353 &1354, MK. 5, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam proses penyediaan dokumen pendakwaan.
29	Lot 1635, MK. 4, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Telah dikenakan denda dari mahkamah sebanyak RM6,000.00 pada 9 Januari 2020.
30	Lot 829, MK. 5, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam proses tindakan mahkamah.
31	Lot 1035, MK. 21, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam proses penyediaan dokumen pendakwaan.

BIL.	LOKASI	TINDAKAN
32	Lot 451, MK. 2, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Telah dikenakan denda dari mahkamah sebanyak RM8,000.00 pada 15 Ogos 2019.
33	Lot 3776, MK. 6, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam proses tindakan mahkamah.
34	Lot 3773, MK. 6, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	<ol style="list-style-type: none"> 1. Notis kesalahan di bawah Sek.70(A) AJPB 1974 telah dikeluarkan. 2. Mengarah kerja-kerja di tapak diberhentikan. 3. Dalam proses tindakan mahkamah.